

Bersatu boleh tersingkir

SHAH ALAM - Keputusan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) menerima ahli bukan Melayu boleh menyebabkan parti di bawah pimpinan Tan Sri Muhyiddin Yassin itu tersingkir daripada Muafakat Nasional (MN).

Pensyarah Kanan Fakulti Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Syed Agil Alsagoff berkata, Bersatu perlu mengambil kira persefahaman di antara parti dengan pendirian UMNO dan Pas.

“Muafakat Nasional yang dianggotai oleh UMNO dan Pas mengangkat pendirian memelihara bangsa Melayu dan Islam sebagai asas perjuangan pakatan parti politik berkenaan.

“Sekiranya Bersatu masih mahu meneruskan pendiriannya untuk membuka keanggotaan parti kepada bukan Islam (walaupun ahli bukan Islam tidak berhak untuk mengundi atau dicalonkan menduduki majlis tertinggi parti) ia memberi kesan terhadap persefahaman parti tersebut dalam Muafakat Nasional dan boleh tersingkir berikutan keputusan parti membelakangi pendirian gabungan parti Islam-Melayu tersebut,” katanya.

Minggu lalu, Presiden Bersatu, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam satu program di Kuala Lumpur memberitahu parti itu sedia meminda perlembagaan bagi membolehkan ahli bukan Melayu memegang jawatan dalam parti berkenaan.

Difahamkan, cadangan tersebut akan dibentangkan oleh jawatankuasa khas diketuai Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) Bersatu, Senator Tan Sri Dr Rais Yatim untuk dipersetujui bersama di peringkat MPT.